

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENOLONG ARKITEK LANDSKAP

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penolong Arkitek Landskap Gred JA5, JA6, JA7, JA8.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

- a. Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja lapangan, surihan, penyediaan lukisan ilustrasi, penyediaan pelan dan dokumentasi, pemantauan, pemuliharaan landskap, penyelidikan dan pengurusan.
- b. Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap.
- c. Menyediakan cadangan reka bentuk, pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap.
- d. Melaksanakan pembinaan projek pembangunan landskap dan menyedia program pembangunan rekreasi.
- e. Melaksanakan kerja-kerja pemantauan penggunaan dan penguatkuasaan dasar, akta, garis panduan dan peraturan berhubung dengan landskap.
- f. Melaksanakan program serta aktiviti untuk tujuan penilaian di lapangan serta mendokumenkan semua laporan dan maklum balas.
- g. Menyediakan khidmat teknikal pengurusan dan penyelenggaraan landskap seperti pembangunan inventori landskap, membangunkan spesifikasi kerja pengurusan landskap dan melaksanakan kerja-kerja lapangan untuk pemantauan program hortikultur dan arborikultur untuk landskap.
- h. Melaksanakan program promosi landskap termasuk membuat kerja-kerja mengumpul maklumat dan penyediaan lakaran, serta membantu menyiapkan kerja-kerja persembahan.
- i. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

4. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Arkitek Landskap.
- b. Pegawai atasan.
- c. Ketua jabatan di agensi-agensi yang berkaitan.

Luaran

- a. Pihak Berkuasa Tempatan.
- b. Pihak perunding.
- c. Kontraktor.

5. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

6. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Penolong Arkitek Landskap boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

7. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Kreatif, proaktif dan inovatif.
- c. Kepimpinan dan bertanggungjawab.
- d. Kualiti dan ketelitian.

8. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Terdedah kepada rasuah.
- b. Terdedah kepada kecederaan diri semasa di lapangan.
- c. Terdedah kepada pencemaran.